
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari / Mac 2004

EUP 213/2 – Perakaunan Pengurusan

Masa : 3 jam

Arahan Kepada Calon:

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM** (6) muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.
2. Kertas ini mengandungi **TUJUH** (7) soalan. Jawab **LIMA** (5) soalan. **SOALAN SATU** wajib dijawab dan **EMPAT** soalan yang lain.
3. Semua soalan mempunyai markah yang sama.
4. Semua jawapan **MESTILAH** dimulakan pada muka surat yang baru.
5. Semua soalan **MESTILAH** dijawab dalam Bahasa Malaysia.
6. Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

1. Encik Putera Hang Perlis mula menubuhkan perniagaan beliau pada awal tahun 2003 untuk menjual beberapa jenis mesin untuk kegunaan industri. Isteri beliau pula, Cik Puteri Hang Lipo ditugaskan untuk menerima dan menyemak semua inventori yang ditempah, menyimpan semua inventori dalam stor dan membuat catatan dalam rekod inventori. Kesemua ini adalah sebahagian daripada langkah kawalan dalaman.
- (a) Apakah objektif kawalan dalaman?
- (b) Bagaimanakah sistem kawalan dalaman boleh dilaksanakan dalam sesebuah organisasi?
- (c) Terangkan bagaimana sistem pengkomputeran boleh membantu dalam kawalan dalaman. (20 markah)
2. Syarikat Mauricio mempunyai 2 kilang untuk memproses sejenis produk yang ditempah oleh pelanggan-pelanggannya. Belanjawan berikut telah disediakan untuk tahun 2004.

	Jabatan A	Jabatan B
Kos buruh langsung	RM 75 000	RM 120 000
Bahan langsung	RM 125 000	RM 160 000
Overhed kilang	RM 28 000	RM 36 000
Jam buruh langsung	8 000 jam	2 000 jam
Jam kerja mesin	10 000 jam	5 000 jam

Syarikat menggunakan kadar overhed pratentu untuk mengenakan overhed kepada pesanan kerja individu. Overhed diserap berasaskan jam mesin dalam Jabatan A dan jam buruh langsung dalam Jabatan B.

Pada bulan Februari 2004, lembaran kos untuk pesanan kerja nombor 888 menunjukkan butir-butir berikut:

	Jabatan A	Jabatan B
Bahan digunakan	RM 2 730	RM 2 540
Buruh langsung	RM 1 290	RM 1 660
Jam buruh digunakan	50 jam	40 jam
Jam mesin digunakan	130 jam	30 jam

Dikehendaki:

- (a) Kirakan kadar penyerapan overhed pratentu untuk setiap jabatan.
- (b) Kos untuk menyiapkan pesanan kerja nombor 888.
- (c) Jika harga yang disebut untuk pesanan kerja nombor 888 adalah RM 13 500, kirakan untung yang diperoleh.
- (d) Apakah yang boleh anda bandingkan tentang kos di Jabatan A dan di Jabatan B?

(20 markah)

3. Berikut adalah maklumat yang diperoleh dari akaun-akaun proses Syarikat Nazam Lembaran:

Inventori awal	20 000 unit
Bahan langsung	RM 10 000
Buruh langsung	RM 4 000
Overhed	RM 5 000
Unit dimasukkan ke proses 1	80 000 unit
Bahan langsung	RM 40 000
Buruh langsung	RM 31 000
Overhed	RM 30 000

Sepanjang tempoh berkenaan, sebanyak 60 000 unit telah disiapkan dan dipindahkan ke proses 2. Tahap penyiapan inventori akhir yang berjumlah 40 000 unit adalah seperti berikut:

Bahan langsung	100%
Buruh dan overhed	25%

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Penyata Pengeluaran Bersama, Penyata Kos dan Akaun Proses 1 dengan menggunakan kaedah purata.
- (b) Kirakan kos seunit bagi keluaran yang dipindahkan daripada Proses 1 dan kos seunit kerja dalam proses.
- (20 markah)
4. Syarikat Pengeluaran Contop mengilang dan menjual 3 jenis produk dengan harga-harga jualan serta kos-kos berubah seperti berikut:

	Produk A RM seunit	Produk B RM seunit	Produk C RM seunit
Harga jualan	3.00	2.45	4.00
Kos berubah	1.20	1.67	2.60

Syarikat sedang mempertimbangkan untuk melibatkan belanja pengiklanan dan promosi untuk Produk A. Adalah diharapkan bahawa perbelanjaan tersebut bersama dengan penurunan dalam harga jualan akan meningkatkan jualan. Volum jualan adalah seperti berikut:

Produk A	460 000 unit
Produk B	100 000 unit
Produk C	380 000 unit

Jika RM 60 000 dilaburkan dalam pengiklanan dan promosi jualan, jualan bagi Produk A pada harga yang dikurangkan akan menjadi seperti di bawah:

590 000 unit	Pada harga RM 2.75 seunit
650 000 unit	Pada harga RM 2.25 seunit

Pada masa ini, kos tetap tahunan adalah pada tahap RM 1 710 000 setahun.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengira hasil jualan pulang modal semasa bagi perniagaan ini.
- (b) Nasihatkan pihak pengurusan berkenaan perlu atau tidak melaksanakan perbelanjaan pengiklanan dan promosi jualan, disertai dengan penurunan harga ke atas Produk A.
- (c) Kirakan unit jualan yang diperlukan bagi Produk A, pada harga jualan RM 2.75 seunit untuk menentukan jumlah perbelanjaan ke atas promosi jualan.

(20 markah)

5. Syarikat Incredicom memproses produk telekomunikasi bernama Combatt. Sebanyak 30 000 unit Combatt dibuat dan dijual untuk pasaran tempatan setiap tahun pada harga RM 12.50 seunit. Kos-kos untuk membuat 30 000 unit produk ini adalah seperti berikut:

Bahan	RM 4.00 seunit
Buruh langsung	RM 1.50 seunit
Overhed berubah (termasuk kos angkutan sebanyak 35 sen seunit)	RM 1.20 seunit
Overhed tetap: Gaji	RM 32 000 setahun
Air dan elektrik	RM 12 000 setahun
Sewa	RM 8 000 setahun
Susutnilai	RM 5 000 setahun
Belanja am	RM 1 200 setahun

Oleh kerana kilang mempunyai kapasiti untuk mengeluarkan 40 000 unit Combatt setahun, syarikat ini bercadang untuk mengeluarkan 10 000 unit tambahan setiap tahun untuk dijual dalam pasaran Singapura. Kos-kos terlibat dengan 10 000 unit tambahan ini adalah seperti berikut:

Harga bahan untuk membuat 10 000 unit tambahan Combatt akan meningkat sebanyak 10% dan upah untuk beberapa orang pekerja tambahan akan meningkat sebanyak 20%.
Kos angkutan untuk membawa 10 000 unit ke Singapura dianggarkan sebanyak RM 0.40 seunit
Jumlah kos air dan elektrik syarikat akan meningkat kepada RM 15 000 setahun.

Syarikat menjangka 10 000 unit ini boleh dijual pada harga RM 10.00 seunit memandangkan syarikat menghadapi persaingan hebat di Singapura.

Anda dikehendaki menentukan:

- (a) Bolehkah cadangan untuk membuat 10 000 unit tambahan untuk dijual dalam pasaran Singapura diterima?
- (b) Apakah harga jualan seunit yang patut ditetapkan bagi 10 000 unit tambahan ini jika syarikat ingin memperoleh untung tambahan sebanyak RM 12 500?

(20 markah)

6. Syarikat Extraordinary ingin menyediakan beberapa jenis belanjawan berdasarkan belanjawan jualan ini:

Belanjawan Jualan
Untuk Tempoh 5 bulan dari Januari hingga Mei 2004

	Jan.	Feb.	Mac.	Apr.	Mei
Jualan (unit)	2 000	3 000	3 500	4 000	5 000
Harga jualan	X RM 4.00	X RM 4.00	X RM 4.00	X RM 4.00	X RM 4.00
Hasil jualan	RM 8 000	RM 12 000	RM 14 000	RM 16 000	RM 20 000

Anggaran-anggaran berikut telah dibuat untuk tujuan menyediakan belanjawan-belanjawan berkenaan:

- i. Anggaran inventori pada 1 Januari 2004:
 - Bahan mentah 1 500 unit
 - Barang siap 200 unit
- ii. Stok bahan mentah pada akhir setiap bulan adalah 20% dari jumlah yang digunakan pada bulan yang berikutnya.
- iii. Stok barang siap pada akhir setiap bulan yang dirancang sebanyak 10% dari jumlah yang dijual pada bulan yang berikutnya.
- iv. Setiap unit barang siap memerlukan 3 unit bahan mentah.
- v. Harga belian bahan mentah dijangkakan RM 0.20 seunit.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Belanjawan pengeluaran bulanan untuk bulan Januari hingga bulan April 2003.
- (b) Belanjawan penggunaan bahan bulanan untuk bulan Januari hingga bulan April 2003.
- (c) Belanjawan belian bahan mentah bulanan Januari hingga bulan April 2003.

(20 markah)

7. Syarikat Usaha Bersepadu adalah sebuah syarikat perkilangan. Maklumat-maklumat berikut adalah berkaitan dengan perbelanjaan-perbelanjaan modal bagi projek yang akan dijalankan olehnya. Disebabkan oleh faktor kewangan syarikat, hanya satu projek sahaja yang boleh diterima.

	Projek A (RM)	Projek B (RM)	Projek C (RM)
Jumlah perbelanjaan	200 000	230 000	80 000
Jangkaan usiaguna	5 tahun	5 tahun	4 tahun
Jangkaan nilai baki	10 000	15 000	8 000
Jangkaan aliran masuk tunai:			
Tahun 1	80 000	100 000	55 000
Tahun 2	70 000	70 000	65 000
Tahun 3	65 000	50 000	95 000
Tahun 4	60 000	50 000	100 000
Tahun 5	55 000	50 000	-

Syarikat ini juga menganggarkan bahawa kos modalnya ialah 18% dan faktor pendiskaunannya adalah seperti berikut:

Tahun 1	0.8475
Tahun 2	0.7182
Tahun 3	0.6086
Tahun 4	0.5158
Tahun 5	0.4371

Anda dikehendaki menentukan:

- (a) Tempoh bayaran balik bagi setiap projek.
- (b) Kadar pulangan perakaunan bagi setiap projek.
- (c) Nilai kini bersih bagi setiap projek.
- (d) Projek manakah yang patut diterima? Berikan alasan-alasan anda.
- (e) Terangkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pihak pengurusan, selain daripada faktor kewangan, sebelum membuat keputusan ke atas sesuatu projek.

(20 markah)